

# **TEMA BERTANDA AYAT WACANA: ANALISIS NAHU FUNGSIONAL<sup>1</sup>**

*Idris Aman*

## **Abstrak**

Halliday (1994) apabila membincangkan fungsi ayat/klausa sebagai representasi ideasional – cara menyampaikan pola pengalaman – menegaskan bahawa untuk fungsi itu, klausa lazimnya mengandungi tiga unsur utama, iaitu proses, pemeran, dan keadaan. Menurutnya, unsur keadaan dalam klausa direalisasikan melalui gugusan adverba atau frasa preposisi. Unsur keadaan itu atau dalam sesetengah buku nahu dinamakan adverba atau keterangan, kurang dihuraikan dalam sintaksis formal. Berasaskan kerangka teori nahu fungsional Halliday (1994) dan Asmah (1986) serta memanfaatkan wacana Sasterawan Negara A. Samad Said, kertas kerja ini khusus membincangkan unsur keadaan di awal ayat atau dinamakan “Tema bertanda”. Perbincangan meliputi bentuk dan fungsi unsur Tema bertanda dalam membantu menyampaikan pola pengalaman dalam ayat serta wacana.

Kata kunci: *ideasional, tema bertanda, nahu fungsional, klausa, wacana*

## **Abstract**

*When discussing the function of clause as ideational representation – a way of representing patterns of experience, Halliday (1994) asserts that for that particular function, a clause normally consist of three main types of elements: process, participants, and circumstances.*

---

<sup>1</sup> Makalah ini diperkemas daripada kertas kerja Seminar Kebangsaan Linguistik 2007 (SKALi '07) anjuran Program Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 20 – 21 Mac 2007.

*According to him, circumstance element is realized by adverbial or prepositional group. The circumstance element or in some grammar books named as adverb is less described in formal syntax. Based on Halliday (1994) functional grammar and Asmah (1986), this paper discusses the circumstance element which is located at the beginning of the sentence, named 'marked Theme' in the national laureate A. Samad Said's discourse. The discussion covers its forms and functions in representing the patterns of experience in discourse.*

*Key words:* ideational, marked Theme, functional grammar, clause, discourse

## PENDAHULUAN

Dalamuraian nahu, istilah **keadaan**, **adverba**, dan **keterangan** walaupun berbeza tetapi pada pendapat penulis adalah sama dari segi konsep yang diperkatakan. Ini dibuktikan daripada tigauraian nahu, iaitu Asmah (1986), Halliday (1994), dan Nik Safiah *et al.*, (1996).

Halliday (1994) apabila membicarakan peranan klausadalam menjelaskan prinsip umum bagi memodel pengalaman (*experiential*) manusia menggunakan istilah *circumstances* (yang penulis terjemahkan sebagai ‘keadaan’) sebagai satu daripada tiga unsur klausadalam bahasa Inggeris, keadaanada sembilan jenis utama, iaitudarjah, tempat, cara, sebab, kontingensi, penyertaan, peranan, hal, dan sudut dengan keseluruhan 17 subjenis. Contoh unsur keadaan dalam klausadalam ditunjukkan dalam Rajah 1.

<b>AYAT</b>	The lion	chase	the tourist	lazily	through the bush
<b>FUNGSI</b>	Pemeran <sub>1</sub>	Proses	Pemeran <sub>2</sub>	Keadaan <sub>1</sub>	Keadaan <sub>2</sub>
<b>BINAAN</b>	Namaan	Kerjaan	Namaan	Adverba	Frasa Preposisi

**Rajah 1** Keadaan dalam klausadalam mengikut Halliday (1994).

2 Konsep proses, pemeran, dan keadaan adalah kategori semantik yang menerangkan secara umum bagaimana fenomena dunia nyata dipersembahkan secara struktur linguistik.

Asmah (1986) pula apabila mencerakinkan ayat kepada empat gatra, iaitu Subjek – Predikat – Objek – Ajung, menggunakan istilah “adverba” untuk isian gatra ajung. Bagi Asmah, ajung ialah gatra yang terletak sesudah objek atau sesudah predikat kata kerja tak transitif. Asmah turut memerihal tentang perkara yang dinamakannya “adverba” ini dari golongan kata, frasa, dan klausa, masing-masing pada Bab 17, 27, dan 28. Di aras frasa, 29 jenis adverba dihuraikan. Antaranya ialah adverba tempat, arah, muasal, syarat, perbandingan, dan anafora. Di aras klausa pula ada tujuh adverba dihuraikan, iaitu waktu, musabab, syarat/pengandaian, tujuan, tolak ansur, ulasan, dan perbandingan. Pemerihalan Asmah (1986) panjang lebar dan turut mempertimbangkan perspektif fungsi. Rajah 2 ialah contoh adverba dalam ayat cerakinan gatra Asmah (1986:361).

<b>AYAT</b>	Dia membawa anaknya ke sekolah			
<b>FUNGSI</b>	Subjek	Predikat	Objek	Ajung
<b>BINAAN</b>	Frasa Benda	Frasa Kerja	Frasa Benda	Adverba

**Rajah 2** Adverba dalam gatra ayat mengikut Asmah (1986).

Nik Safiah *et al.*, (1996), penulis buku nahu pegangan Melayu<sup>3</sup> pula menggunakan istilah “keterangan” apabila memberi komen di bahagian Pengantar Edisi Baharu tentang sebab golongan kata “adverba” tidak dihuraikan. Menurut mereka: “kami masih berpendapat bahawa golongan kata adverba tidak perlu dan tidak tepat bagi bahasa Melayu. Konsep kata adverba membawa pengertian bentuk kata yang berfungsi menerangkan kata kerja dalam predikat. Misalnya *Dia berjalan cepat*.” Menurut mereka lagi, dalam bahasa Melayu, unsur **keterangan** tidak hanya pada kata kerja malah juga berlaku pada frasa adjektif dan frasa sendi nama, seperti dalam *Pegawai itu sibuk selalu; Mereka dengan segera ke Johor Bahru* (Nik Safiah *et al.* 1996:xiv).

Tetapi, selain yang dibincangkan di atas, yang menariknya ialah Asmah dan Halliday juga melanjutkan huraian unsur tersebut. Asmah (1986:363) mengatakan, adverba yang menempati ajung boleh menjadi “judul” ayat. Halliday (1994:39) pula mengatakan keadaan bolch menjadi

3 Penyata ini berdasarkan tulisan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka di Prakata Edisi Baharu buku berkenaan pada perenggan dua hlm. vii.

“Tema” ayat. Pada pendapat penulis, kedua-dua perkara ini adalah sama, iaitu kedua-duanya merujuk kepada **penerang awal ayat**. Rajah 3 dan Rajah 4 menunjukkan kedua-dua pandangan di atas. [Bagaimanapun, perkara ini tidak dibincangkan dalam Nik Safiah *et al.*, (1996)]. Kajian ini akan memfokuskan perkara yang diutarakan oleh Asmah dan Halliday ini.

Ayat	
Adverba	Klausa
Cepat-cepat	dia melangkah menuju rumah

**Rajah 3** Adverba sebagai judul ayat mengikut Asmah (1986:363).

Ayat	
Keadaan	Klausa
Very carefully	she put him back on his feet again

**Rajah 4** Keadaan sebagai Tema ayat mengikut Halliday (1994:39).

Sungguhpun Asmah (1986) dan Halliday (1994) turut membincangkan kebolehan unsur ini berperanan sebagai “judul” atau “Tema” tetapi huraian mereka berorientasikan buku nahu, dan dalam batasan ayat. Sebagai buku nahu, pemerihalannya berdasarkan ayat tunggal. Huraian nahu berdasarkan ayat tunggal tidak mampu memperlihatkan aksi sebenar unsur berkenaan dalam wacana.<sup>4</sup> Lagipun, kajian ini berpendapat bahawa ayat bukanlah “batasan terakhir dalam linguistik” (Grimes, 1975, dlm. Azhar, 1993).

Kajian ini menggembung teks sebenar atau dikenali dengan istilah “analisis wacana”. Memerihalkan nahu dengan memanfaatkan wacana atau teks merupakan usaha yang wajar kerana manusia berbahasa bukan sekadar melahirkan ayat secara tunggalan yang terpisah-pisah, tetapi dalam satuan bahasa lengkap yang dinamakan wacana

<sup>4</sup> Bagaimanapun, Halliday memang menekankan pentingnya teks dalam nahunya. Cuma apabila beliau menghuraikan teori, ayat tunggal digunakan.

untuk berkomunikasi. Dengan nahu wacana, aksi sebenar unsur nahuan dalam wacana dapat dihuraikan dengan lebih berpada. Ini selaras dengan pandangan Givon (dlm. Azhar, 1993) bahawa “bahasa adalah alat komunikasi, maka ... untuk cuba memahami strukturnya kita haruslah merujuk kepada keadaan komunikasi dan keperluan komunikasi. Oleh yang demikian, kendala-kendala kenahuan, rumus-rumus sintaksis, transformasi-transformasi stilistik wujud bukan oleh sebab perkara ini telah tersedia didawaikan tanpa memenuhi apa-apa sebab pun, sebaliknya perkara ini wujud untuk memenuhi fungsi-fungsi komunikasi yang amat khusus”.

Dalam kajian ini, unsur penerang awal ayat itu dinamakan **Tema bertanda ayat**.<sup>5</sup> Secara umum, Tema ialah unsur awal ayat yang mendahului Rema atau dengan konfigurasi (Ayat = Tema + Rema). Untuk contoh, lihat kembali Rajah 3 dan 4.

Secara khusus, kertas ini (a) menghuraikan corak binaan dan penggunaan Tema bertanda ayat dalam wacana, dan (b) menjelaskan makna/fungsi Tema bertanda ayat dalam wacana.

## WACANA DAN KAEDAH ANALISIS

Wacana yang digembleng untuk kajian ini ialah rencana Sasterawan Negara A. Samad Said yang berjudul *Menyusuri Pangkal Jalan DBP* yang disiarkan dalam *Utusan Malaysia* 17 Jun 2006, sempena Sambutan Jubli Emas DBP 2006. Wacana ini dipilih kerana dihasilkan oleh Sasterawan Negara.<sup>6</sup>

Keseluruhan teks A. Samad Said ini mempunyai 28 perenggan yang mengandungi 49 ayat dan 72 klausa. Teks ini dicerakin superstruktur, perenggan, ayat, dan klausanya. Daripada pencerakinan superstruktur, wacana ini terbina daripada lima bahagian utama yang di dalam data ini ditandakan dengan huruf roman besar. Bahagian terbina daripada gugusan perenggan. Bahagian I dibina daripada Perenggan (P) 1 hingga 8, Bahagian II P9 – P19, Bahagian III P20 – P22, Bahagian IV P23 – P25, dan Bahagian V P26 – P28. Teks wacana dan semua maklumat ini dipaparkan di Lampiran A.

<sup>5</sup> Berdasarkan Halliday (1994). Nahu fungsional Halliday menuliskan Tema (dan istilah lain yang berkaitan) dengan huruf awal besar bagi menunjukkan kategori fungsinya yang dibezakan dengan kategori bentuk semata-mata.

<sup>6</sup> Datuk A. Samad Said menerima Anugerah Sastera Negara pada 1985.

Data turut dinomborkan mengikut perenggan, ayat, klausa, frasa/kata. Dengan yang demikian, nombor rujukan seperti [1.2a.i] dalam analisis ini secara turutan bermaksud perenggan pertama, ayat kedua, dan klausa pertama. Huruf roman kecil (i) itu menunjukkan unsur frasa/kata pertama dalam binaan Tema bertanda. Di Lampiran A, unsur Tema bertanda ayat diasingkan dalam lajur sendiri dan unsur proses ditulis dalam huruf besar. Jadual 1 menunjukkan kehadiran Tema bertanda ayat dalam wacana A. Samad Said itu. Bilangan kehadiran penerang di kedudukan lain ditunjukkan dalam Lampiran B.

## TEMA BERTANDA AYAT DALAM WACANA

Struktur klausa/ayat mengandungi unsur Tema dan Rema, dengan turutan Tema mendahului Rema. Tema ialah unsur yang pewacana pilih untuk dikehodapkan – apa yang hendak diperkatakan. Tema secara umum ialah unsur yang berfungsi sebagai titik tolak mesej yang disertai Rema yang terkandung dalam klausa (Halliday, 1994). Jika sesuatu ayat mengandungi unsur penerang di awalnya, seperti disebut di atas, Halliday (1994) menamakan unsur ayat ini **Tema bertanda**. Dengan menjadikan unsur penerang awal ayat sebagai Tema bermakna pewacana menjadikannya titik tolak tentang apa yang hendak diperkatakan. Perbincangan kertas ini selanjutnya menjurus kepada penggunaan Tema bertanda ayat dari kedua-dua aspek, iaitu bentuk dan fungsi.

### Penggunaan

Tema bertanda ayat meluas digunakan dalam berwacana. Bagi aras ayat, daripada analisis dan seperti dipaparkan dalam Jadual 1, Tema bertanda ayat dimanfaatkan pada 29 ayat. Ini bermakna, daripada jumlah 49 ayat yang membina wacana itu, 59 peratus dimulakan dengan Tema bertanda.

Bagi aras bahagian pula, seperti dinyatakan sebelum ini, wacana ini dibina daripada lima bahagian. Pada setiap awal bahagian, iaitu pada ayat pertama, Tema bertanda turut dimanfaatkan dan mempunyai makna dalam wacana. Kehadiran Tema bertanda ayat pada ayat pertama setiap bahagian dan maknanya ditunjukkan dalam Jadual 4 serta Lampiran A. Kedua-dua fenomena ini sekali gus membuktikan bahawa Tema bertanda, ayat sangat bermanfaat untuk berwacana. Atau dengan perkataan lain, nampaknya,

pemanfaatan Tema bertanda bagi ayat dan wacana tentu mempunyai sebab, dan bukan sewenang-wenang (Lihat perbincangan bahagian fungsi di bawah).

**Jadual 1** Kehadiran Tema bertanda ayat dalam wacana.

Kehadiran Tema Bertanda Ayat	Bil. dan (%)	Ayat Contoh (Tema bertanda digariskan)
1.1, 1.2, 2.1, 4.1, 5.2, 6.1, 6.2, 6.3, 7.1, 7.2, 9.1, 10.1, 10.2, 11.1, 11.2, 12.1, 14.1, 14.2, 15.1, 16.1, 17.2, 18.1, 19.1, 20.1, 22.1, 23.1, 26.1, 26.3, 28.1	29 (59)	1.1. <u>Pada saat sebegini</u> / saya mudah TERASA seolah-olah sedang berada dalam satu gelombang budaya yang mesra, tetapi mencabar.

Selain itu, di dalam wacana ini, Tema bertanda ayat bukan sahaja digunakan secara tunggal dalam ayat, malah ada yang berlapis, atau lebih daripada satu penerang. **Tema bertanda tunggal** digunakan pada 19 ayat, manakala **Tema bertanda berlapis** digunakan pada 10 ayat. (Lihat Jadual 2. Angka dalam kurungan pada kehadiran berlapis menunjukkan bilangan lapisnya. Dengan yang demikian, bilangan penggunaan Tema bertanda ayat tentulah lebih daripada 29).

**Jadual 2** Corak penggunaan Tema bertanda ayat dalam wacana.

Corak Kehadiran dalam Ayat	Bil.	Kehadiran
Tunggal	19	1.1, 1.2, 6.1, 6.2, 7.1, 7.2, 9.1, 10.1, 10.2, 11.1, 12.1, 14.2, 15.1, 17.2, 20.1, 22.1, 23.1, 26.1, 28.1
Berlapis	10	2.1 (3), 4.1 (2), 5.2 (5), 6.3 (3), 11.2 (2), 14.1 (2), 16.1 (4), 18.1 (3), 19.1 (2), 26.3 (2)

Rajah 5 menunjukkan contoh penggunaan Tema bertanda ayat. Ayat 1.1 ialah contoh Tema bertanda tunggal, iaitu *pada saat sebegini*. Manakala ayat 6.3 ialah contoh Tema bertanda berlapis, di mana terdapat tiga Tema bertanda digembung dalam ayat tersebut, iaitu *maklum, bagi kali pertama dalam sejarah, dan saya kira*. Di dalam cerakinan, Tema bertanda ayat berlapis ditandakan dengan nombor Roman kecil.

AYAT	
Tema Bertanda	Klausa
Tunggal	
1.1. Pada saat sebegini	saya mudah TERASA seolah-olah sedang berada dalam satu gelombang budaya yang mesra, tetapi mencabar.
Berlapis	
6.3.i. Maklum, ii. bagi kali pertama dalam sejarah negara, iii. saya kira	sebuah kerajaan negeri yang kecil cekal berusaha MENG-HARGAI [b] dan MEMBANTU Sasterawan Negaranya secara langsung.

**Rajah 5** Contoh kedudukan Tema bertanda ayat.

Tema bertanda ayat di dalam wacana ini didapati dibina daripada gugusan kata adverba dan preposisi. Jadual 3 ialah contoh kedua-dua binaan tersebut.

**Jadual 3** Binaan Tema bertanda ayat.

Preposisi	Adverba
5.2 dan setakat ini	1.2 selama ini
11.2 dan jika berhemah	7.1 sengaja
15.1 maka	10.2 sebaliknya
18.1 betapa pun	14.1 melangkah setapak tua lagi

### **TEMA BERTANDA AYAT MENCORAK TITIK TOLAK MAKLUMAT BAHAGIAN WACANA**

Pemanfaatan Tema bertanda ayat dalam ayat wacana ini bukan sewenang-wenang, tetapi merupakan tindakan bersebab. Analisis fungsian membuktikan Tema bertanda ayat bermanfaat sebagai pencorak titik tolak idea/maklumat pewacana di aras bahagian wacana. Di aras bahagian, Tema bertanda ayat pada ayat dan perenggan pertamanya didapati berfungsi menentukan titik tolak perbincangan atau apa perkara pokok yang hendak diperkatakan pada bahagian berkenaan. (Ini juga menunjukkan bahawa Tema bertanda ayat pada ayat pertama bahagian mempunyai dwifungsi dalam wacana – pencorak titik tolak idea bahagian, dan pada masa yang sama sebagai titik tolak idea ayat).

Seperti yang diperlihatkan dalam Jadual 4, Tema bertanda ayat pada ayat pertama bahagian wacana ini berperanan mencorak titik tolak idea

untuk bahagian berkenaan, iaitu masing-masing sebagai pemasaran, pengutaraan pandangan, pelaras fokus, perujukan peristiwa, dan penanda koda. Dan pada masa yang sama, penggunaan Tema bertanda berkenaan menjadi penanda bahagian wacana juga. (Untuk gambaran keseluruhan, sila teliti Lampiran A juga).

**Jadual 4** Fungsi Tema bertanda ayat pada ayat pertama bahagian wacana.

<b>Bahagian dan Fungsi</b>		<b>Ayat</b>
<b>Tema Bertanda</b>	<b>Tema Bertanda</b>	<b>Klausa</b>
I (P1 – P8) <b>PEMASAAN</b>	1.1. Pada saat sebegini,	saya mudah TERASA seolah-olah sedang berada dalam satu gelombang budaya yang mesra, tetapi mencabar
II (P9 – P19) <b>PENGUTARAAN PANDANGAN</b>	9.1. Pada saya,	institusi bahasa ini, sejak lahirnya pada akhir dekad 50-an abad lalu, memang telah banyak BERBAKTI [b] oleh perkisaran dan tuntutan waktu – memang mula MENJADI terlalu besar sehingga terkadang tidak sempat mengesan dan memandu diri ke arah yang lebih jitu
III (P20 – P22) <b>PELARAS FOKUS</b>	20.1. Kembali kepada diri sendiri,	apakah situasi sastera kita kini sudah benar-benar BERUBAH?
IV (P23-P25) <b>PERUJUKAN PERISTIWA</b>	23.1. Pada saat genting gerakan memartabatkan bahasa (selepas gerakan Keranda 152),	ada budayawan (yang kebanyakannya pegawai kerajaan) terpaksa LENTUR [b] dan TUNDUK kepada kedegilan ‘tuan politik’ yang sangat meyakini bahawa hanya bahasa Inggeris yang bakal cepat menemukan lubuk ekonomi dan gedung ilmu bagi bangsa Melayu.
V (P26 – P27) <b>PENANDA KODA</b>	26.1. Akhirnya,	apa-apa yang saya kisahkan sejauh ini memanglah TERDENGAR seperti hikayat kuno – berisi hikmah, [b] tetapi sentiasa DILUPAI.

Tema bertanda ayat *pada saat sebegini* pada ayat pertama berfungsi sebagai pemasaran, iaitu sebagai titik tolak penyata masa yang digunakan pewacana untuk memulakan wacana ini. Sekali gus menjadi penanda binaan Bahagian I wacana yang berkisar tentang masa.

Pemanfaatan Tema bertanda 9.1 *pada saya* menandakan permulaan Bahagian II wacana, yang berfungsi sebagai titik tolak pengutaraan

pandangan pewacana. Dengan kata lain, bahagian kedua ialah bahagian pandangan pewacana sendiri. Oleh sebab itu juga, Bahagian II wacana ini agak panjang, terbina daripada 11 perenggan.

Kemudian, pewacana memanfaatkan Tema bertanda *kembali kepada diri sendiri* pada ayat 1, perenggan 20. Penggunaan Tema bertanda tersebut berfungsi sebagai pelaras semula fokus perbincangan setelah dengan panjang lebar mengutarkan pandangan dan hujah di bahagian sebelumnya. Pemanfaatan Tema bertanda *kembali kepada diri sendiri* sekali gus memisahkan Bahagian III dengan Bahagian II wacana.

Seterusnya, dimanfaatkan Tema bertanda *pada saat genting gerakan memartabatkan bahasa (selepas gerakan Keranda 152)* pada perenggan 23 ayat 1. Pemanfaatan tersebut menjadi penanda bahagian baharu wacana, iaitu Bahagian IV. Bahagian ini sekali gus berfungsi sebagai perujukan peristiwa khusus yang ingin diutarakan oleh pewacana.

Pewacana seterusnya memanfaatkan Tema bertanda ayat *akhirnya* pada ayat pertama perenggan 26. Tema bertanda ini jelas berfungsi sebagai penanda koda kepada wacana itu, sekali gus menjadi penanda binaan bahagian akhir (V) wacana.

Selanjutnya, jika diteliti, Tema bertanda ayat yang dimanfaatkan pada ayat-ayat lain dalam bahagian-bahagian wacana ini juga mempunyai pertalian dengan titik tolak idea bahagian berkenaan. Perkara ini diperlihatkan dalam Jadual 5.

Untuk Bahagian I yang berkenaan dengan pemasaan, sebahagian besar Tema bertanda ayat-ayat yang dimanfaatkan dalam bahagian ini berkisar pada masa, misalnya *selama ini, selepas lebih lima dekad, tiba-tiba* dan lain-lain. Untuk Bahagian II – titik tolak pandangan – kebanyakannya Tema bertanda yang dimanfaatkan berkaitan dengan pemberian pandangan dan penghujahan, yang antara lain ditandai fungsi peyakinan, kebalikan idea, pelapikan, kebarangkalian, dan kesan, seperti *pada saya, saya kira, saya rasa, yakinlah, sebaliknya, jika adil direnung, jika berhemah, barangkali, maka*, dan lain-lain. Untuk Bahagian III – pelaras semula fokus – Tema bertanda yang digunakan memang berfungsi memfokus semula perbincangan, iaitu 20.1 *kembali kepada diri sendiri*. Untuk Bahagian IV – perujukan peristiwa khusus – hanya satu ayat yang mempunyai Tema bertanda yang berkaitan, iaitu *pada saat genting gerakan memartabatkan bahasa (selepas gerakan Keranda 152)*. Untuk Bahagian V – koda – ada dua Tema bertanda ayat yang menandakan pengakhiran dan jangkaan masa muka dimanfaatkan, iaitu 26.1 *akhirnya* dan 28.1 *setidak-tidaknya secepat 2020 nanti*.

TEMA BERTANDA AYAT WACANA: ANALISIS NAHU FUNGSIONAL

**Jadual 5** Tema bertanda ayat yang berkaitan titik tolak bahagian wacana.

Bahagian Wacana	Tema Bertanda yang Berkaitan
I (P1 – P8) PEMASAAN	1.1 pada saat ini 1.2 selama ini 2.1.ii selepas lebih lima dekad; iv. tiba-tiba 4.1 selama tiga tahun ini 5.2 dan setakat ini 6.2 sebelum itu 6.3 maklum, bagi kali pertama dalam sejarah negara
II (P9 – 19) PENGUTARAAN PANDANGAN	9.1 pada saya 10.1 yakinlah; sebaliknya 11.1 jika adil direnung 11.2 dan jika berhemah 12.1. barangkali 14.1.ii. saya harap 14.2 betapa pun 15.1 maka 16.1.iv saya kira 18.1.iii rasa saya 19.1 secara sedar atau alpa
III (P20 – P22) PELARAS FOKUS	20.1 kembali kepada diri sendiri
IV (P23 – P25) PERUJUKAN PERISTIWA	23.1 pada saat genting gerakan memartabatkan bahasa (selepas gerakan Keranda 152)
V (P26 – P28) PENANDA KODA	26.1 akhirnya 28.1 setidak-tidaknya secepat 2020 nanti

**Jadual 6** Fungsi Tema bertanda aras ayat.

No.	Pengkhususan tentang:	Tema Bertanda Ayat
1.	PEMASAAN	1.1 pada saat sebegini; 16.1.i Kini; 18.1.ii sekarrang; 19.1.ii kini 6.3.ii bagi kali pertama dalam sejarah negara 23.1 pada saat genting gerakan memartabatkan bahasa (selepas gerakan Keranda 152)
2.	TEMPOH	1.2 selama ini; 2.1.ii selepas lebih lima dekad; 4.1.i selama tiga tahun ini; 28.1 setidak-tidaknya secepat 2020 nanti 5.2.ii setakat ini 6.2 sebelum itu; 26.1 akhirnya 14.1.i melangkah setapak dua lagi

*Sambungan Jadual 6*

No.	Pengkhususan tentang:	Tema Bertanda Ayat
3.	KEADAAN	2.1.iii ria dan lara dalam dunia sastera, dan menuulis lebih 60 buah buku (tebal dan nipis); 22.1 dalam situasi seimbang dan segelisah ini 2.1.iv tiba-tiba
4.	PERUJUKAN	4.1.ii begitulah disetujui
5.	PENAMBAHAN	5.2.i; 7.2.;11.2.i; 17.2 dan
6.	PANDANGAN	6.1; 6.3.iii; 16.1.iv saya kira 9.1 pada saya 18.1.iii saya rasa 26.3.ii rasanya 14.1.ii. saya harap
7.	KEMAKLUMAN	2.1.i maklumlah; 6.3.i maklum
8.	KESENGAJAAN	7.1 sengaja
9.	PEYAKINAN	10.1 yakinlah
10.	KEBALIKAN	10.2 sebaliknya
11.	PELAPIKAN	11.1 jika adil direnung; 11.2 jika berhemah
12.	KEBARANGKALIAN	12.1 barangkali; 20.2 mungkin
13.	KEBERDAYAAN	14.2; 18.1.i betapa pun
14.	KESAN	15.1 maka
15.	RERUANG	16.1.ii berlegar ke mana-mana pun
16.	PERTIMBANGAN	16.1.iii berlebih atau terkurang pun
17.	PENILAIAN	19.1 secara sedar atau alpa
18.	PEMFOKUSAN	20.1 kembali kepada diri sendiri
19.	PILIHAN	26.3.i tetapi daripada hanya terapung kata-kata biasa

**TEMA BERTANDA AYAT MENGKHUSUS MAKLUMAT AYAT**

Di aras ayat, didapati Tema-tema bertanda ayat yang dimanfaatkan di dalam wacana ini berfungsi mengkhususkan maklumat/idea dalam ayat. Keseluruhannya ada 19 pengkhususan maklumat, iaitu yang berkaitan

dengan pemasaan, tempoh, keadaan, perujukan, penambahan, pandangan, kemakluman, kesengajaan, peyakinan, kebalikan, pelapikan, kemungkinan, keberdayaan, kesan, ruang, pertimbangan, penilaian, pemfokusan, dan pilihan. Semua fungsi pengkhususan tersebut dan penggunaan Tema bertanda berkenaan ditunjukkan dalam Jadual 6. Ayat lengkap masing-masing boleh dilihat pada Lampiran A.

Sebagai contoh, untuk mengkhususkan maklumat ayat pada satu “keadaan” tertentu, dimanfaatkan Tema bertanda keadaan, seperti dalam 22.1. *Dalam situasi seimbang dan segelisah inilah, tindakan kerajaan Melaka membantu saya menghadirkan siri Seni Warisan Negeri Melaka, saya harap, akan DICONTONI oleh kerajaan negeri lain demi melestarikan warisan seni Sasterawan Negaranya pula.* Untuk mengkhususkan maklumat ayat tentang kebarangkalian dimanfaatkan Tema bertanda “barangkali”, seperti dalam 12.1. *Barangkali, saya sangat SELESA [b] dan TERNIKMAT setiap kali mengenang peristiwa perjuangan Keris Mas menghadirkan Salina sebagai karya ASAS 50, menghargai pengaruh Johan Jaaffar yang memungkinkan kelahiran bermaruah Warkah Eropah, dan mengagumi tindakannya mempercepat kelahiran Hujan Pagi dengan bantuan di belakang layar oleh Yussop Ishak dan Azmi Ibrahim.* Begitu juga, untuk mengkhususkan maklumat tentang fokus dimanfaatkan Tema bertanda seperti 20.1. *Kembali kepada diri sendiri, apakah situasi sastera kita kini sudah benar-benar BERUBAH?* (Tema bertanda digariskan).

## PENUTUP

Tema bertanda ayat ialah unsur nahuan yang meluas digunakan untuk berwacana. Tema bertanda ayat dimanfaatkan oleh pewacana kerana sebab dan fungsi tertentu. Yang utamanya, Tema bertanda ayat dimanfaatkan sebagai pencorak titik tolak idea pewacana di aras bahagian-bahagian wacana. Manakala di aras ayat, Tema bertanda berfungsi sebagai pengkhusus maklumat ayat. Dengan merujuk Lampiran A, bayangkan ayat dalam wacana yang dikaji ini tanpa Tema bertanda. Tentu ayat atau wacana ini akan kering dari segi pencorakan titik tolak ideanya dan gersang dari segi kewacanaannya.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 1986. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Azhar M. Simin, 1993. *Sintaksis Wacana 'yang' dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halliday, M.A.K., 1994. *An Introduction to Functional Grammar*. Second Edition. London: Arnold.
- James, C., 1983. *Contrastive analysis*.
- Nik Safiah et al., 1996. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thompson, G., 2004. *Introducing Functional Grammar*. Second Edition. London: Arnold.

**LAMPIRAN A**

**Tema Bertanda Ayat dalam Wacana:  
Cerakinan Aras Bahagian, Perenggan, dan Ayat**

AYAT DATA		FUNGSI TEMA BERTANDA PADA ARAS		
TEMA BERTANDA	KLAUSA/AYAT (Huruf besar ialah PROSES)	BAHAGIAN	PRGN*	AYAT
<b>Bahagian I</b>				
1.1. Pada saat sebegini	saya mudah TERASA seolah-olah sedang berada dalam satu gelombang budaya yang mesra, tetapi mencabar.	PEMASAAN		Pemasaan
1.2a. Selama ini	ombak tugas Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terasa MENGGULUNG besar, [b] dan riak kerja seniman (mungkin saya sahaja) semakin MENYSIK kecil.			Tempoh
2.1 (i) Maklumlah, ii. selepas lebih lima dekad, iii. ria dan lara dalam dunia sastera, dan menulis lebih 60 buah buku (tebal dan tipis), iv. tiba-tiba	saya DITOLONGI kerajaan Melaka untuk menerbitkan semula beberapa karya utama saya secara lebih konsisten dan bermaruah.			i. Kemakluman ii. Tempoh iii. Keadaan iv. Keadaan
	3.1. Penerbitan itu tentulah turut MENGANGKAT citra seni negeri kelahiran saya itu juga.			
4.1 (i) Selama tiga tahun ini – ii. begitulah disetujui –	saya akan MENERBIT-KAN sebanyak sembilan buah karya baru dan lama – tiga buah setiap tahun.			i. Tempoh ii. Perujukan

*sambungan*

	5.1 Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam, MENYETUJUI-nya begitu sahaja – tanpa hebahan.			
5.2 (i) Dan ii. setakat ini,	tiga buah daripadanya telah pun DITERBIT-KAN di bawah rancangan siri <i>Edisi Seni Warisan Melaka</i> yang, saya percaya, sangat bermaruah.			i. Penambahan ii. Tempoh
6.1 Saya kira,	mungkin inilah PENCA-PAIAN kerja seni terbaik saya sebagai sasterawan setua 71 tahun sejauh ini.			i. Pandangan
6.2 Sebelum itu,	banyak LARA, di tengah ria.			ii. Tempoh
6.3a (i) Maklum, ii. bagi kali pertama dalam sejarah negara, iii. saya kira	sebuah kerajaan negeri yang kecil cekal berusaha MENGHARGAI [b] dan MEMBANTU Sasterawan Negaranya secara langsung.			iii. Pandangan
7.1 Sengaja	saya ISYTIHARKAN ini sebagai penanda baru pencapaian saya sebagai sasterawan yang – dengan penuh berat hati dan segan – tergalak menerbitkan karya sendiri			Kesengajaan
7.2 Dan	WAJARLAH jika ada yang bertanya: dari menulis, kini menerbit?			
	7.3 Apa MAKNAnya se-gala ini?			
	8.1 Bagaimana dengan peranan DBP yang selama lima dekad ini telah MENERBITKAN tidak kurang daripada 18 buah karya saya?			

*sambungan*

	8.2. Pasti ADA yang bertanya begitu.			
<b>Bahagian II</b>				
9.1a. Pada saya,	<p>institusi bahasa ini, sejak lahirnya pada akhir dekad 50-an abad lalu, memang telah banyak BERBAKTI</p> <p>[b] oleh perkisaran dan tuntutan waktu – memang mula MENJADI terlalu besar sehingga terkadang tidak sempat mengesan dan memandu diri ke arah yang lebih jitu.</p>	PANDANGAN		Pandangan Tempoh
10.1 Yakinlah,	saya tidak MEYATA-KAN ini dengan hasrat meluka.			Peyakinan
10.2 Sebaliknya,	saya MENYATAKAN-nya lebih oleh kesedaran – barangkali juga sedikit kearifan bahwa setiap institusi yang berkembang, sekali sekala, memang boleh tergelincir daripada landasan cita-cita asal – di sini cita-cita DBP – untuk benar-benar mengisi kepentingan bahasa dan penulis..			Kebalikan iii. Pandangan
11.1 Jika adil direnung,	memang sentiasa ADA memori baik dalam kembara seni setiap se-niman.			Pelapikan Tempoh

*sambungan*

11.2 (i) Dan ii. jika ber- hemah,	yang pahit bakal MANIS sebagai sempadan.			i. Penambahan ii. Pelapikan
	11.3a Seniman tidak sen- tiasa BETUL; [b] begitu juga institusi seni tidak mustahil SALAH.			
12.1(a) Barangkali	saya sangat SELESA [b] dan TERNIKMAT setiap kali mengenang peristiwa perjuangan Keris Mas menghadirkan <i>Salina</i> sebagai karya ASAS 50, menghargai pengaruh Johan Jaaffar yang memungkinkan kelahiran bermaruah <i>Warkah Eropah</i> , dan mengagumi tindakannya mempercepat kelahiran <i>Hujan Pagi</i> dengan bantuan di belakang layar oleh Yussop Ishak dan Azmi Ibrahim			Kebarangkalian
	13.1 Mereka ini sekelompok kecil MANUSIA ke- nangan manis saya dalam buana seni DBP.			
	13.2 Naskah yang turut dihadirkan oleh mereka itulah yang kini mula terus BERSUARA tentang kehidupan bahasa dan sastera di sebalik latar DBP yang sedikitnya telah tiga kali berubah tempat dari Johor ke Kuala Lumpur.			
	13.3a Pentas dewan menjadi MERIAH, [b] din- ding dewan bertambah			

TEMA BERTANDA AYAT WACANA: ANALISIS NAHU FUNGSIONAL

*sambungan*

	BERUKIR [c] dan insan dewan beransur BER-HEMAH khusus pada saat-saat sekreatif itu			
14.1 (i) Melangkah setapak dua lagi, ii. saya harap	akan BEGITULAH semangat dan ghairah pengisian DBP dari bangunan rendah selonggok ke bangunan tinggi bertokok.		i. Tempoh ii. Penambahan	
14.2 Betapa pun,	perlu DIAKUI bahawa induk tenaga masih tetap insan petindak yang ber tekad daripada laras bangunan yang bertingkat.		Keberdayaan	
15.1a Maka,	kita masih MEMERLUKAN banyak karya baru sebaik <i>Gelombang</i> dan <i>Rimba Harapan</i> , [b] MEMERLUKAN banyak seniman segigih Arena Wati dan Shahnon Ahmad.		kesan	
	15.2a Kita sangat MEMERLUKANkeprihatinan DBP [b] dan segala-gala ini hanya MUNGKIN oleh pemimpin yang bervisi dan berisi.			
16.1(i) Kini, ii. berlegar ke mana-mana pun – iii. berlebih atau terkurang pun – iv. saya kira.	antara kejayaan besar DBP IALAH sempat mewujudkan sekelompok penerima Anugerah Sastera Negara yang sedang mewariskan sejumlah khazanah seni yang dipuji umum - juga dikehiji segelintir ilmuwan.		i. Pemasaan ii. Ruang iii. Pertimbangan iv. Pandangan	
	17.1a Bangunan dan seniman, adatnya, pasti			

*sambungan*

	akan FANA, [b] karya seni yang wangi berhik-mat (selagi alam semesta ada), bakal MENGEM-BANG harum.			
17.2 Dan	negara yang rakyatnya gusar dan pemimpinnya bertengkar sangat ME-MERLUKAN keharuman itu.			Penambahan
18.1a (i) Betapa pun, ii. sekarang, iii. rasa saya,	sekurang-kurangnya masih ADA dua perjuangan murni DBP: [b] MELES-TARIKAN karya seni yang telah sempat diwujudkannya [c] dan sangat penting, MEMARUAH-KAN kembali tulisan jawi, warisan khazanah yang telah tak sengaja kita kuncupkan [d] semata-mata kerana - pada satu detik kobaran perjuangan bahasa - kita tersangat GHAIYAH mempercayai kedinamisan abjad rumi.			i. Keberdayaan ii. Pemasaan iii. Pandangan
19.1a.(i) Secara sedar atau alpa, ii. kini	kita mula MENYAKSI-KAN betapa kaum Cina dan India yang meluhuri abjad khazanahnya terus memperkekalk - malah mempersegar - akhbar warisannya, [b] sementara akhbar jawi kita sendiri terbukti semakin UZUR.			i. Penilaian ii. Pemasaan
<b>Bahagian III</b>				
20.1 Kembali kepada diri sendiri,	apakah situasi sastera kita kini sudah benar-benar BERUBAH?	PELARAS-AN FOKUS		Pemfokusan

*sambungan*

20.2 Mungkin	ini IKTIBARNYA:			Kebarangkalian
	20.3a Saya BERKARYA sejak dekad 60-an abad lalu ketika angka pembaca induk ‘sastera tinggi’-nya berjumlah 2000 orang [b] hingga kini yang jumlahnya, aneh, masih seperti KEKAL tidak berganjak.			
	20.4a Saya jenuh BERBISIK – ke atas ke bawah, kepada senator, kepada menteri – [b] MENGHARAPKAN setidak-tidaknya sebuah karya setiap Sasterawan Negara yang terbaik dihargai sebagai teks wajib bacaan terpenuh di sekolah, tidak sebagai teks wajib ‘kerat-keratan’ seperti yang dia-malkan sekarang.			
	21.1. (AMBILLAH contoh daripada pemanfaatan <i>To Kill a Mocking Bird</i> , <i>Lord of the Flies</i> dan <i>Things Fall Apart</i> yang rata-ratanya dimaklumi oleh setiap pelajar berbahasa Inggeris).			
	21.2. Saya masih belum MENDENGAR bisik baliknya.			
22.1 Dalam situasi seimbang dan segelisah inilah,	tindakan kerajaan Melaka membantu saya menghadirkan siri Seni Warisan Negeri Melaka, saya harap, akan DICONTOHI oleh kerajaan negeri lain demi melestarikan warisan seni Sasterawan Negaranya pula.			Keadaan

<b>Bahagian IV</b>				
23.1a Pada saat genting gerakan memartabatkan bahasa (selepas gerakan Keranda 152),	ada budayawan (yang kebanyakannya pegawai kerajaan) terpaksa LENTUR [b] dan TUNDUK kepada kedegilan 'tuan politik' yang sangat meyakini bahawa hanya bahasa Inggeris yang bakal cepat menemukan lubuk ekonomi dan gedung ilmu bagi bangsa Melayu	RUJUKAN PERISTIWA		Pemasaan
	24.1 Pelaksanaan bahasa Inggeris secara tergocoh-gocoh sebagai bahasa pengantar wajib bagi mata pelajaran Sains dan Matematik, tampaknya, cepat MERETAKKAN keyakinan kita terhadap kemampuan dan keutuhan bahasa ibunda.			
	25.1 Pelaksanaan yang sangat mendadak itu, kini secara ironis, sempat 'MENSIA-SIAKAN' tujuh jilid ensiklopedia sains (dan matematik?) dalam bahasa Melayu pada saat keharusannya.			
<b>Bahagian V</b>				
26.1a Akhirnya,	apa-apa yang saya kisahkan sejauh ini memanglah TERDENGAR seperti hikayat kuno – berisi hikmah. [b] tetapi, sentiasa DILUPAI.	PENANDA KODA		Tempoh
	26.2. Mungkin akan ada yang mengatakan SEBAGAI satu retorik yang hanya enak didengar.			

*sambungan*

26.3a.i. Tetapi, daripadahanya terapung kata- kata biasa, ii. rasanya,	masih elok ADA secarik retorik yang berhemah, setidak-tidaknya jiwa yang gersang masih bo- leh <b>DIRANGSANG.</b>		Pemasaan
	27.1a DBP yang merai- kan usia ke-50 tahunnya pasti akan ingin, malah wajar, MENYUSURI se- mula pangkal jalan, [b] MENGELAK lopak, [c] MENGUTIP benih, [d] MENYEMAI batas bu- daya dan bahasa supaya lebih subur.		
28.1a. Setidak-tidak- nya secepat 2020 nanti	visi politik pemimpin akan SEIMBANG [b] dan SERASI dengan sumbangan senimannya.		Tempoh
<b>29</b> <b>Ayat Bertema</b> <b>Bertanda</b>	<b>5</b> <b>Pencorak</b> <b>Idea</b> <b>Bahagian</b>		<b>19</b> <b>Pengkhususan</b> <b>Maklumat</b> <b>Ayat</b>

- \* Perenggan surat khabar agak berbeza dengan perenggan dalam wahana bertulis lain. Pemerenggan dalam surat akhbar lebih pendek dan dibina sekitar 1-3 ayat sahaja. Fungsi Tema bertanda aras perenggan dibincangkan terus dalam teks.

**LAMPIRAN B****Kehadiran Penerang Dalam Ayat Wacana**

<b>Kedudukan</b>	<b>Bil.</b>	<b>Pemanfaatan</b>	<b>Ayat Contoh (Penerang digariskan)</b>
Awal Ayat (Tema bertanda)	29	1.1, 1.2, 2.1, 4.1, 5.2, 6.1, 6.2, 6.3, 7.1, 7.2, 9.1, 10.1, 10.2, 11.1, 11.2, 12.1, 14.1, 14.2, 15.1, 16.1, 17.2, 18.1, 19.1, 20.1, 22.1, 23.1, 26.1, 26.3, 28.1	1.1 <u>Pada saat sebegini</u> / saya mudah TERASA seolah-olah sedang berada dalam satu gelombang budaya yang mesra, tetapi mencabar. [Klausu]
Selepas Subjek (Aktif)	8	8.1, 9.1a, 9.1b, 17.1a, 18.1d, 20.3b, 24.1, 25.1	24.1. Pelaksanaan bahasa Inggeris <u>secara tergocoh-gocoh</u> sebagai bahasa pengantar wajib bagi mata pelajaran Sains dan Matematik, tampaknya, cepat MERETAKKAN keyakinan kita terhadap kemampuan dan keutuhan bahasa ibunda.
Selepas Agen (Pasif)	3	2.1, 5.2, 22.1	22.1 Dalam situasi seimbang dan segelisah inilah, tindakan kerajaan Melaka membantu saya menghadirkan siri Seni Warisan Negeri Melaka, saya harap, akan DICONTOKHI oleh kerajaan negeri lain <u>demi melestarikan warisan seni Sasterawan Negaranya pula.</u>
Selepas Proses	13	1.1, 1.2a, 1.2b, 6.2, 9.1b, 11.2, 12.1b, 13.1, 13.3c, 17.1b, 20.3a, 20.3b, 20.4a	1.2a. Selama ini, ombak tugas Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terasa MENGGULUNG <u>besar</u> , [b] dan riak kerja seniman (mungkin saya sahaja) semakin MENYISIK <u>kecil</u> .